

Nak terkencing waktu 'jogging'?

Usah bimbang... taman bakal ada tandas

Oleh **CHAIRUL FAHMY
HUSSAINI**

chairul@sph.com.sg

TERDAPAT kemungkinan kemudahan tandas akan disediakan di kolong-kolong blok atau di kawasan taman bagi kemudahan orang ramai.

Idea ini dicetuskan Menteri Kesihatan, Encik Khaw Boon Wan, semasa menghadiri forum anjuran Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) North West semalam.

Dengan kemudahan sebegini, katanya, ia memberi satu lagi kemudahan kepada orang ramai yang aktif menjalani gaya hidup sihat.

"Oleh kerana kita ber-

cakap tentang mempromosikan aktiviti jalan pantas dan bersenam di kalangan masyarakat kita, dan bagi memudahkan mereka yang berada di luar rumah, kita mungkin boleh menyediakan kemudahan tandas.

"Saya fikir adalah satu keperluan menyediakan tandas di kolong blok dan taman. Ini satu kemudahan yang boleh difikirkan sedang kita menggalak masyarakat berada di luar rumah dan menjalani hidup aktif," ujarnya.

Menyambut baik idea itu, Mayor CDC North West, Dr Teo Ho Pin, yang juga pengerusi bersama Kumpulan Kerja Jalan Pantas Kebangsaan, berka-

ta ia adalah sesuatu yang akan dipertimbangkan.

"Di beberapa sudut aktiviti, kita ada menyediakan kemudahan tandas. Strategi utama kita adalah untuk menjadikan kawasan RC (Jawatankuasa Penduduk) sebagai kawasan aktiviti utama.

"Jadi jika pusat RC dapat dijadikan sebagai kawasan aktiviti, kesemuanya mempunyai kemudahan tandas."

Menurut Dr Teo, pihaknya bekerjasama dengan Lembaga Taman Negara (NParks) bagi menyediakan kemudahan tandas awam.

"Jika anda ingin warga tua ke rangkaian penghubung taman (PCN), anda harus menyediakan tan-

das, jika tidak mereka tidak dapat memanfaatkannya.

"Mereka berjalan beberapa kilometer dan mereka perlu ke tandas. Jadi saya rasa kita perlu melihat pada beberapa sudut di PCN dan taman bagi penyediaan tandas."

Pemerintah sebelum ini mengumumkan penyediaan pelbagai kemudahan untuk warga tua.

Menjelang 2014 misalnya, lif di semua blok HDB yang layak akan berhenti di setiap tingkat.

Mulai tahun depan pula, semua laluan pejalan kaki, laluan ke stesen MRT, tempat perhentian bas dan teksi dan jalan raya akan bebas halangan.